

10/09/1997

Idea geliga, praktikal pelajar sekolah

BARU-BARU ini akhbar tempatan melaporkan mengenai dua orang pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Sains Kuala Selangor berjaya mencipta tandas elektronik.

Walaupun hanya mendapat tempat kedua dalam Pertandingan Reka Cipta Pelajar Sekolah Menengah Berasrama, hasil kerja Hazwani Ahmad dan Azhar NurFaruqi Sanusi itu seharusnya dipuji dan diambil perhatian oleh semua pihak.

Ciptaan mereka boleh dianggap unik kerana seseorang pengguna akan terkunci di dalam tandas selagi tidak menghapuskan alkisah persinggahan mereka dengan setidak-tidaknya menekan atau menarik tali "flush".

Sekali imbas, apakah rasionalnya dan mengapakah pelajar itu mencipta alat sedemikian? Mudah saja, iaitu bagi mengatasi kelemahan masyarakat kita yang tidak seperti masyarakat Jepun yang dididik sejak kecil lagi untuk menjaga kebersihan tapak persinggahan harian.

Jika tidak, persinggahan di mana-mana tandas awam di tempat kerja, sekolah, pusat beli-belah dan di mana saja akan menggatalkan hidung dan menyakitkan mata.

Dikecualikan bagi mereka yang gemar singgah di tempat lain seperti di sebalik pokok, semak-samun atau selamba saja di tepi lebuhraya. Kumpulan ini boleh dianggap daripada golongan khas kerana mereka tidak gemar menjalankan perniagaan bersama kelompok utama.

Pengalaman Sysop yang sudah banyak kali terserempak dengan keadaan pejabat untuk beberapa minit ini yang kurang menyenangkan seluruh pancaindera, bukan saja hilang selera makan malah hilang minat untuk singgah sebentar.

Mungkin inilah yang difikirkan oleh kedua pencipta muda itu. Mereka cepat sedar apabila ditekankan mengenai isu kebersihan oleh guru mereka dan idea itu sampai untuk mencipta alat yang Sysop kira amat berguna untuk masyarakat.

Yang tercekik di sini, mengapa murid sekolah yang terfikir untuk mencipta tandas elektronik itu. Ke mana perginya jurutera berkaliber negara atau cerdik pandai elektronik yang kononnya mampu bersaing dan setanding dengan negara luar?

Sysop masih ingat lagi bila PM umumkan fasal projek Koridor Raya Multimedia (MSC), masing-masing berebut menunjukkan kebolehan dan bergegas mendapatkan status MSC. Bagaimanapun bagi perkara yang remeh macam ni, langsung tak terfikir di benak mereka untuk berbuat sesuatu.

Sysop percaya mereka pasti pernah melalui keadaan seperti tandas kotor, berbau busuk, air melimpah dan sebagainya.

Oleh itu, pihak tertentu seharusnya mengambil iktibar dan perhatian mengenai penemuan baru yang sungguh berinovatif daripada pelajar terbabit. Kalau baru-baru ini kecoh apabila PM menegur kawasan Jalan Bukit Bintang kotor dan pihak tertentu terus mengambil tindakan segera membersihkan kawasan terbabit.

Itu baru kawasan luaran yang mudah dilihat, belum tengok kawasan dalaman lagi. Takkan hendak suruh PM periksa setiap tandas dan membuat komen. Jangan nanti bila PM dah mengamuk baru kelam-kabut nak ambil tindakan.

Walaupun hanya memperolehi RM750 sebagai habuan tempat kedua, kedua pelajar terbabit seharusnya diberi pengiktirafan negara kerana dengan modal RM50 mereka mampu menghasilkan sesuatu yang bermakna bagi mengatasi salah satu aspek kekurangan disiplin di dalam masyarakat kita.

